



## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGURUSAN PAS KESELAMATAN SEMENTARA BAGI MENTOR INDUSTRI, WARGA OKU DAN KOMUNITI SETEMPAT**

### **1. TUJUAN**

Tujuan garis panduan ini disediakan bertujuan memberi panduan kepada individu serta pihak yang terlibat dalam pengurusan permohonan pas keselamatan sementara yang melibatkan mentor industri, warga OKU dan komuniti setempat.

### **2. PENGENALAN**

- 2.1 Pas keselamatan dikeluarkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia sebagai suatu pengenalan diri seseorang individu yang memasuki kawasan kampus Universiti Sains Islam Malaysia.
- 2.2 Pas Keselamatan terbahagi kepada tiga kategori utama iaitu:
  - a) **Pas Keselamatan Tetap** dikeluarkan kepada seseorang yang bertugas tetap di dalam sesuatu kawasan larangan atau tempat tarangan.
  - b) **Pas Keselamatan Sementara** dikeluarkan kepada seseorang yang tidak bertugas tetap tetapi dikehendaki selalu berurusan rasmi ke sesuatau kawasan larangan atau tempat larangan.
  - c) **Pas Keselamatan Pelawat** dikeluarkan kepada seseorang yang melawat ke sesuatu kawasan larangan atau tempat larangan.
- 2.3 Pas yang dikeluarkan hendaklah sentiasa dipaparkan dan dipakai sepanjang berada di dalam kawasan kampus.

### **3. TAKRIFAN**

Takrifan bagi maksud pemakaian garis panduan ini ialah:

- a) **Pas Keselamatan** merujuk kepada dokumen pengenalan diri seseorang individu yang memasuki kawasan kampus dan dikeluarkan oleh sesebuah organisasi atau jabatan.

- b) **Komuniti Setempat** merujuk kepada sekumpulan masyarakat yang hidup bersama di satu tempat.
- c) **Mentor Industri** merujuk kepada pembimbing atau orang mempunyai pengalaman dalam sesuatu industri.
- d) **OKU** merujuk kepada orang kelainan upaya yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang bila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.
- e) **PIJIM** merujuk kepada Pusat Inovasi, Jaringan Industri dan Masyarakat.
- f) **Pusat Tanggungjawab** merujuk kepada jabatan/ bahagian yang diberi kuasa untuk mengurus wang awam.

#### 4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan pas keselamatan sementara ini hanya terbuka kepada mentor industri, warga OKU dan juga orang awam yang sering berurusan di Universiti Sains Islam Malaysia.
- 4.2 Semua permohonan pas keselamatan bagi mentor industri dan OKU hendaklah diuruskan melalui PTJ yang berkaitan sebelum dihantar ke Unit Khidmat Masyarakat, PIJIM.
- 4.3 Orang awam atau komuniti setempat boleh memohon pas pengenalan sementara secara terus melalui PIJIM.
- 4.4 Unit Khidmat Masyarakat, PIJIM akan memasukkan dan mengumpulkan maklumat berhubung dengan permohonan bagi semua kategori.
- 4.5 Pas Keselamatan Sementara hanya akan dikeluarkan kepada individu yang berurusan di dalam kampus melebihi dari tempoh satu (1) bulan.
- 4.6 Tempoh sah laku pas adalah berdasarkan tempoh lantikan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti. Sekiranya tiada lantikan, tempoh satu (1) tahun akan ditetapkan bermula dari tarikh permohonan.
- 4.7 Permohonan baharu perlu dipohon semula sekiranya tempoh sah laku pas telah tamat.

## **5. PERMOHONAN PAS SEMENTARA**

- 5.1 Permohonan untuk mendapatkan pas keselamatan yang baharu atau pembaharuan kad boleh dilakukan dengan mengisi Borang Permohonan Kad (Mentor Industri/ OKU/ Orang Awam) seperti di Lampiran A. Ia juga boleh dimuat turun dan didapati secara percuma melalui laman sesawang rasmi <http://pijim.usim.edu.my>, <http://keselamatan.usim.edu.my> atau [mydocs.usim.edu.my](http://mydocs.usim.edu.my).
- 5.2 Dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan ialah:
- a) Satu (1) salinan kad pengenalan bagi warganegara, atau satu (1) salinan passport bagi bukan warganegara.
  - b) Satu (1) salinan kad OKU (bagi warga OKU)
  - c) Satu (1) keping gambar berukuran passport.
  - d) Satu (1) salinan surat tawaran (jika berkaitan)
- 5.3 PTJ berhak menolak borang permohonan yang tidak lengkap.
- 5.4 Urusan cetakan kad hanya akan diproses oleh Jabatan Keselamatan pada hari bekerja (waktu pejabat biasa) kecuali bagi kes-kes tertentu.
- 5.5 Sekiranya pas tidak diterima dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh permohonan, pemohon atau wakil pemohon boleh merujuk melalui PIJIM.
- 5.6 Bagi tujuan pembaharuan pas, perkara di perenggan 5.2 hendaklah disertakan semula bersama borang permohonan yang lengkap diisi.

## **6. KADAR BAYARAN**

- 6.1 Permohonan pas bagi kali pertama adalah **PERCUMA** kepada semua pemohon.
- 6.2 Individu yang membuat pembaharuan pas perlu menjelaskan bayaran sebanyak RM10.00 dan resit rasmi bayaran akan dikeluarkan kepada pemohon. Sekiranya bayaran yang diterima tidak mencukupi, Jabatan Keselamatan berhak menolak permohonan tersebut.
- 6.3 Pas yang didapati rosak boleh ditukar dengan caj bayaran penggantian RM10.00.

## **7. PROSEDUR KEHILANGAN PAS**

- 7.1 Kehilangan Pas Keselamatan hendaklah dilaporkan dengan segera ke Jabatan Keselamatan.

- 7.2 Kerjasama hendaklah diberikan semasa siasatan dan rakaman kenyataan dijalankan oleh Jabatan Keselamatan.
- 7.3 Individu yang kehilangan pas keselamatan akan didenda sebanyak RM20.00.
- 7.4 Mana-mana pihak yang menjumpai pas keselamatan kampus hendaklah dengan segera menyerahkan kepada Jabatan Keselamatan USIM bagi mengelakkan penyalahgunaan pas berkenaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

## **8. ARAHAN PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN**

- 8.1 Pas keselamatan sementara yang dikeluarkan hendaklah dipakai dan dipamerkan sepanjang masa semasa berada di dalam kawasan kampus.
- 8.2 Pengawal Keselamatan bertugas boleh menahan mana-mana individu dari memasuki kawasan kampus sekiranya gagal menunjukkan sebarang pengenalan diri apabila diminta berbuat demikian.
- 8.3 Pemegang pas keselamatan hendaklah sentiasa bekerjasama dengan pihak Universiti sekiranya diminta menunjukkan pas semasa pemeriksaan dijalankan.
- 8.3 Pas Keselamatan yang dikeluarkan adalah milik penama yang didaftarkan sahaja. Sebarang penyalahgunaan pas akan diambil tindakan oleh Pihak Berkuasa Universiti.

## **9. DIREKTORI PEJABAT**

**a) PUSAT INOVASI, JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (PIJIM)**

Aras 3, Bangunan Canselori,  
Bandar Baru Nilai,  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

**No. Tel:** 06-798 8051/ 8078

**No. Fax:** 06-798 6291

**b) JABATAN KESELAMATAN**

Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan  
**No. Tel:** 06-798 8075/ 8073  
**No. Fax:** 06-798 8066




**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Tarikh dibina: 5 JANUARI 2017  
No. Rujukan: JK/UPP/01  
Bil Isu: 1


# **BORANG PERMOHONAN PAS SEMENTARA**

## **(MENTOR INDUSTRI/ OKU/ ORANG AWAM)**


Jabatan Keselamatan  
Universiti Sains Islam Malaysia

<b>1. DIISI OLEH PEMOHON</b>		<b>2. KEGUNAAN PJJM</b>								
<b>A. MAKLUMAT PEMOHON</b>		<b>DIPERAKUKAN/ TIDAK DIPERAKUKAN</b>								
<b>NAMA PENUH (HURUF BESAR)</b> <input type="text"/> <b>NO. KAD PENGENALAN</b> <input type="text"/> <b>ALAMAT SEMASA</b> <input type="text"/> <b>NO. TELEFON</b> <input type="text"/> <b>NO. PENDAFTARAN KENDERAAN</b> <input type="text"/> <b>PEKERJAAN</b> <input type="text"/> <b>ORGANISASI/ SYARIKAT</b> <input type="text"/>		<b>Catatan:</b> _____  <b>Diperakukan oleh:</b> _____  <b>Nama:</b> _____ <b>Jawatan:</b> _____ <b>Tarikh:</b> _____								
		<b>Sila lampirkan (1) keping gambar berukuran passport</b> 								
<b>TEMPOH DI USIM</b> DARI: _____ HINGGA: _____ <b>JABATAN</b> <b>KATEGORI (TANDAKAN ✓ PADA KOTAK YANG BERKAITAN)</b> <table style="margin-left: 20px;"> <tr> <td><input type="checkbox"/></td> <td>MENTOR INDUSTRI</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/></td> <td>ORANG AWAM</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/></td> <td>OKU</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JENIS KETIDAKUPAYAAN: _____</td> </tr> </table>		<input type="checkbox"/>	MENTOR INDUSTRI	<input type="checkbox"/>	ORANG AWAM	<input type="checkbox"/>	OKU	JENIS KETIDAKUPAYAAN: _____		<b>3. KEGUNAAN JABATAN KESELAMATAN</b>  <i>Permohonan ini diluluskan dengan *percuma/bayaran RM _____.</i>  <b>No. Resit:</b> _____ <b>ID Pengguna:</b> _____
<input type="checkbox"/>	MENTOR INDUSTRI									
<input type="checkbox"/>	ORANG AWAM									
<input type="checkbox"/>	OKU									
JENIS KETIDAKUPAYAAN: _____										
<b>B. JENIS PERMOHONAN</b> <p style="text-align: right;">_____ Kad Hilang (RM20.00)</p> <p style="text-align: right;"><input type="checkbox"/> Kad Rosak (RM10.00)</p> <p style="text-align: right;"><input type="checkbox"/> Pembaharuan Kad (RM10.00)</p> <p style="text-align: right;"><input type="checkbox"/> Permohonan Baharu (PERCUMA)</p>		<b>BUTIRAN</b> <b>TARIKH</b> <p style="text-align: right;">Tarikh Diterima: _____</p> <p style="text-align: right;">Tarikh Siao: _____</p> <p style="text-align: right;">Tarikh Serah: _____</p>								
<b>C. PENGESAHAN PEMOHON</b> <i>Saya dengan ini mengesahkan semua maklumat yang diberikan adalah benar.</i>		<b>Disabikap oleh:</b>  <b>Nama:</b> _____ <b>b/p Pengarah Keselamatan</b>								
<b>Tandatangan</b> _____ <b>Tarikh:</b> _____										

**CARTA ALIR PERMOHONAN BAHARU PAS PENGENALAN SEMENTARA BAGI MENTOR INDUSTRI DAN WARGA OKU**



**CARTA ALIR PERMOHONAN BAHRU PAS PENGENALAN SEMENTARA BAGI KOMUNITI  
SETEMPAT**



**CARTA ALIR PEMBAHARUAN, KEROSAKAN DAN KEHILANGAN PAS PENGENALAN  
SEMENTARA BAGI MENTOR INDUSTRI, WARGA OKU DAN KOMUNITI SETEMPAT**

